

Headline **PPM sokong cadangan Niosh senaraikan pesakit mental sebagai OKU**  
Date **04 Jan 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **32**  
Article Size **51 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **695**  
PRValue **2,086**



## PPM sokong cadangan Niosh senaraikan pesakit mental sebagai OKU

**K**UALA LUMPUR: Persatuan Perubatan Malaysia (PPM) menyokong cadangan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh) supaya pesakit mental disenaraikan sebagai

orang kurang upaya (OKU).

Presiden PPM, Dr David Quek Kwang Leng, bagaimanapun berkata cadangan itu memerlukan kajian mendalam kerana pesakit mental mempunyai beberapa fasa.

Katanya, langkah itu perlu dilakukan berhati-hati kerana apabila seseorang itu dilabel pesakit mental ia akan disisihkan oleh masyarakat seperti berlaku terhadap pesakit HIV/Aids.

“Kita tidak mahu perkara yang sama berlaku kepada pesakit mental sehingga menjejaskan lagi kesihatan pesakit,” katanya ketika mengulas cadangan Pengerusi Niosh, Tan Sri Lee Lam Thye, semalam.